


Negara Islam perlu atasi isu mazhab: PM

Musharraf sokong kenyataan Abdullah perbalahan harus dihentikan



DATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam menegur sesetengah negara Islam, khususnya anggota Pertubuhan Perundangan Islam (OIC) kerana asyik perbalah sesama sendiri berikutan perbezaan mazhab.

Perdana Menteri yang juga pengerusi pertubuhan dianggotai 57 negara Islam itu berkata, situasi berkenaan amat memalukan dan mempersoalkan mengapa kerana perbezaan itu juga tercetus perang saudara dalam negara sendiri.

"Saya pernah memberitahu George Bush (Presiden Amerika Syarikat) supaya tentera mereka keluar dari Iraq. Tetapi Bush memberitahu, jika mereka keluar dari Iraq, akan berlaku perang saudara dan menyatakan orang Islam di sana meminta mereka terus berada di situ," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang pleno Majlis Kepemimpinan bertajuk 'Cabaran untuk kepemimpinan Islam di dunia global' pada hari kedua Forum Ekonomi Islam Sedunia (WIEF) ke-2 di Pusat Konvensyen Jinnah di sini, semalam.

Pada forum dihadiri 600 peserta termasuk 70 pemimpin perniagaan dari Malaysia itu, soal jawab diadakan dengan ahli panel termasuk Abdullah selain Presiden Pakistan, Pervez Musharraf; Perdana Menteri, Shaukat Aziz; bekas Perdana Menteri Australia, Bob Hawke dan bekas Presiden Sri Lanka, Chandirka Bandaranaike.

Abdullah menerima tepukan gemuruh apabila menyindir Washington kerana tindakan dianggap terlalu melindungi Israel yang menekan, menindas dan membunuh rakyat Palestin.

Katanya, apabila Hamas memenangi pilihan raya di Palestin, ia menunjukkan pilihan rakyatnya dan harus diberi peluang untuk memerintah, tetapi tidak diiktiraf oleh pihak tertentu di luar negara itu.

"Saya pernah menyatakan kepada Hamas dan Fatah (dua puak yang berbalah) supaya bersatu membentuk kerajaan sebagai satu suara rakyat Palestin," katanya.

Beliau berkata, masalah dihadapi sesetengah negara Islam disebabkan tiada perpaduan sehingga dibelenggu oleh perbezaan mazhab.

"Kita harus menyelesaikan masalah ini (perbezaan mazhab). Selesaikan isu ini dulu. Sebagai orang Islam, kita patut menangani masalah ini dan baru kita boleh bercakap per-

juangan orang Islam," katanya yang sekali lagi menerima tepukan.

Menjawab pertanyaan seorang peserta forum, Abdullah berkata, OIC boleh mewujudkan kerjasama dalam bidang pendidikan seperti Rancangan Colombo bagi membolehkan pelajar dihantar meneruskan Pengajian Universiti di luar negara iaitu di negara anggota OIC itu sendiri.

"Kita harus memberi keutamaan kepada bidang pendidikan kerana ia jaminan masa depan untuk anak-anak kita," katanya.

Musharraf pula berkata, beliau menyokong kenyataan Abdullah itu kerana negara Islam tidak akan dapat bekerjasama untuk membangunkan ekonomi, jika masih wujud perbalahan sesama sendiri.

FAKTA NOMBOR

Forum Ekonomi Islam Sedunia ke-2

600

Peserta

70

Pemimpin perniagaan dari Malaysia

Dalam sidang media bersama Musharraf, Abdullah berkata usaha menyeragamkan penentuan tarikh Hari Raya di kalangan negara Islam di seluruh dunia pernah dilakukan sebelum ini tetapi tidak berjaya.

Beliau berkata kegagalan itu disebabkan ulama memberi banyak perhatian kepada keperluan melihat anak bulan atau rukyah sebagai kaedah menetapkan tarikh Aidilfitri.

Sebaliknya kata beliau, adalah mudah menetapkan tarikh Aidiladha berbanding Aidilfitri kerana perkiraannya berdasarkan tarikh wukuf yang ditentukan oleh Arab Saudi.

"Bagi Malaysia, kita menggunakan formula melalui perkiraan (hisab). Kita tahu dengan tepat sama ada kita akan berupaya melihat anak bulan pada tarikh tertentu. Jika pada tarikh itu, (berlaku) cuaca buruk atau awan tebal menyebabkan anak bulan tidak kelihatan, kita mengisytiharkan Ramadan pada tarikh kita kira.

"Kita membuat ketetapan (perse-tujuan) kaedah ini dengan negara jiran yang ada zon masa sama, jadi lebih mudah. Tetapi jika sesebuah negara berada di luar zon masa (yang sama), sukar untuk membuat keputusan (ketetapan) seperti itu.

"Namun, saya yakin mungkin kita boleh buat keputusan lebih baik," katanya.